

Pusat data hijau untuk PKS

SYARIKAT teknologi subsidiari milik penuh Ireka Corporation Berhad, i-Tech Network Solutions (i-Tech) melancarkan pusat data hijau dikenali sebagai Safehouse untuk tawaran perkhidmatan pengurusan, pemulihan bencana dan menyokong operasi sesebuah perniagaan.

Pusat itu yang dikuasakan oleh teknologi IBM selain disokong pekhidmatan Juniper Networks dan APC daripada Schneider Electric bakal membawa penyelesaian lengkap untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ketua Pegawai Operasinya, Leonard Yee berkata, servis pusat data Safehouse dipromosikan dalam direktori Multimedia Development Corporation (MDeC) ke seluruh dunia bagi memenuhi permintaan pengusaha PKS dalam bidang pengurusan dan penyumberan luar yang selamat.

“Persekitaran perniagaan ketika ini memang memerlukan

infrastruktur pusat data yang selamat dan Safehouse mempunyai semua kelebihan terbabit ditambah dengan sokongan elemen teknologi hijau,” katanya.

Safehouse mula dibina pada tahun 2011 menawarkan servis pusat data standard antarabangsa dengan rangkaian dipercayai dan boleh dinaiktaraf.

Ia turut dilengkapi teknologi keupayaan pengurangan karbon selain binaan Scalable Modular Data Centre (SMDC) pula memberi penjimatan kuasa dan mengekalkan kadar kos pemilikan yang rendah.

Leonard berharap, perkhidmatan i-Tech mendapat perhatian pengusaha PKS kerana menurutnya, peniaga perlu faham tentang operasi menaiktaraf pusat data kini semakin fleksibel bergantung kepada prestasi bisnes bertujuan mengurangkan pelaburan modal.